

# **385 pelajar KUTKM terima anugerah kepujian dekan**

**Archival News | Utusan Malaysia | 24/01/2006**

MELAKA 23 Jan. - Seramai 385 pelajar Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) menerima Sijil Anugerah Kepujian Dekan bagi semester II sesi 2004/2005 dalam satu majlis khas di Ayer Keroh, di sini.

Anugerah itu disampaikan oleh Rektor KUTKM, Profesor Datuk Ismail Hassan dan dekan-dekan Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer, Kejuruteraan Elektrik, Kejuruteraan Mekanikal, Kejuruteraan Pembuatan dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

Ismail dalam ucapannya berkata, bilangan penerima anugerah kali ini meningkat sekali ganda berbanding semester lepas seramai 180 pelajar.

Perkembangan ini jelas beliau, membantu KUTKM mencapai misi dan visi yang ditetapkan selain menjadi 'tiket' kepada pelajar untuk mendapatkan pekerjaan selepas tamat pengajian kelak.

"Kejayaan ini adalah perangsang kepada pelajar untuk mencapai sasaran Kementerian Pengajian Tinggi iaitu 100 orang dari setiap fakulti menamatkan pengajian mereka dengan Ijazah Kelas Pertama.

"KUTKM bersedia memberikan sokongan dan kemudahan untuk membantu setiap pelajar dalam semua aspek bagi mencapai matlamat tersebut," katanya di sini hari ini.

## **Membantu**

Ismail berkata, kerjasama daripada semua kakitangan akademik dan kumpulan sokongan membantu para pelajar memperoleh keputusan peperiksaan 3.50 ke atas.

Beliau berkata, pelajar perlu meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris dalam mengejar ilmu kerana kebanyakan buku ditulis dan diterjemahkan dalam bahasa itu.

"Pengantarabangsaan universiti hanya akan dapat dicapai apabila kita menguasai bahasa Inggeris sepenuhnya, begitu juga dalam usaha untuk mendapat pekerjaan," ujarnya.

Katanya, para pelajar juga perlu sentiasa berusaha menguasai bahasa lain seperti bahasa Mandarin, Perancis dan Jepun sebagai nilai tambah untuk bersaing mendapatkan pekerjaan.

Beliau berkata, bagi memastikan para pelajar mendapat pekerjaan apabila tamat pengajian, pihak universiti telah berusaha menujuhan unit alumni yang berperanan untuk mengumpul maklumat dan memantau perkembangan graduan KUTKM.

Katanya, pelbagai aktiviti boleh dianjurkan oleh unit ini seperti penganjuran hari kerjaya dengan mengumpul syarikat-syarikat dan agensi pekerjaan bagi

membantu pelajar semester akhir dan yang telah tamat pengajian.

"KUTKM juga bercadang untuk memasukkan matapelajaran keusahawanan sebagai asas kepada mahasiswa untuk mempersiapkan diri jika berminat untuk memulakan perniagaan selepas tamat pengajian nanti," katanya.

(Source : Utusan Malaysia)